

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: COLGIS - Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
Sent: Wednesday, 8 March, 2017 4:32 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar; Roshadah Bt Yaacob
Subject: PPA COLGIS ONLINE : PELAJAR UUM COLGIS ANTARA YANG MEMENANGI TEMPAT KETIGA BAGI PERTANDINGAN INTERVARSITY CORPORATE STRATEGY CHALLENGE (ICSC) 2017



Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
STUDENT DEVELOPMENT AND ALUMNI OFFICE
College of Law, Government and International Studies
Universiti Utara Malaysia

“MUAFAKAT KEDAH”

08 MAC 2017 / 09 JAMADILAKHIR 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato' /Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

PELAJAR UUM COLGIS ANTARA YANG MEMENANGI TEMPAT KETIGA BAGI
PERTANDINGAN INTERVARSITY CORPORATE STRATEGY CHALLENGE (ICSC) 2017



PPA COLGIS ONLINE : Pasukan UUM telah memenangi Tempat Ketiga dalam Pertandingan Intervarsity Corporate Strategy Challenge (ICSC) 2017 yang berlangsung di Universiti Malaya pada 3 hingga 4 Mac 2017 dengan membawa pulang sejumlah RM800.00. Pasukan tersebut telah diketuai oleh Saudara Chong Cheng Fung yang mewakili Persatuan Perniagaan, Falsafah dan Undang-Undang (BPLB) dari Pusat Pengajian Undang-Undang bersama tiga pelajar lagi dari Kolej Perniagaan UUM (UUM COB). Pertandingan tersebut dianjurkan oleh Kelab Perakaunan Universiti Malaya (UMAC) secara tahunan dan mendapat penglibatan daripada 60 peserta daripada pelbagai Universiti Awam dan Universiti Swasta. Objektif utama pertandingan tersebut ialah untuk menanam budaya keusahawanan, membina pemimpin korporat serba boleh dan mendapat inspirasi daripada pemimpin-pemimpin korporat di Malaysia.

Setiap pasukan akan menempuhi dua cabaran iaitu Kelayakan Perniagaan (Business Credential) dan Kemampanan Perniagaan (Business Sustainability). Mereka perlu menganalisa kajian kes serta membentangkan pelan strategi untuk melebarkan perniagaan mereka. Selain itu, setiap pasukan turut diuji melalui soalan pelbagai pilihan (Multiple Choice Question) berkaitan tentang kesedaran, isu semasa dan penyelesaian soalan permasalahan. Penaja utama bagi pertandingan tersebut ialah EY, SUNWAY TES, ACCA, MICPA, KPMG dan DELOITTE. Dekan dan seluruh warga Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni mengucapkan tahniah kepada pasukan UUM dan berdoa agar kemenangan ini dapat ditingkatkan di masa hadapan.

Sekian.

"UUM COLGIS : WHERE INNOVATION IN GOVERNANCE BEGINS"

=====

Daripada:

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

College of Law, Government and International Studies (COLGIS)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : +6049287805/7806/7807/7808 | Fax : +6049287849 | Email : colgis_pppa@uum.edu.my

Laman Web : <http://ppacolgis.uum.edu.my/> | Facebook : OFFICIAL PPA UUM COLGIS | Twitter : PPA_COLGIS



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.